



**INOVASI:** Kumpulan pelajar tahun akhir kursus BG31903 bersama dengan pensyarah dan usahawan merangkap penilai pertandingan.

## Pelajar UMS bantu usahawan tempatan jana idea inovasi

**UB 04.07.2024 P.03**

**KOTA KINABALU:** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited membantu perkembangan dan daya saing usahawan tempatan menerusi kajian serta inovasi berkaitan perniagaan tempatan.

Menerusi satu program pembentangan akhir oleh pelajar kursus Komunikasi Pemasaran Bersepadu, pelajar terlibat dalam membenarkan hasil kerja mereka dengan penglibatan usahawan tempatan berdasarkan

produk tempatan Sabah.

Dengan membawa tema, “The 2nd Product Development and Promotional Campaign Competition for BG31903 Integrated Marketing Communication Pitching to Judges”, program pembentangan akhir di FPEP itu melibatkan 93 pelajar Tahun Dua yang kemudiannya membentuk 13 kumpulan bagi pembentangan hasil kerja.

Pensyarah Kanan FPEP, Dr Siti Nor Bayaa Ahmad yang mengendalikan kursus

itu berkata program antara lain bertujuan melibatkan pelajar dari program pemasaran mencipta serta menghasilkan idea pembungkusan baharu dan inovatif.

“Program ini juga menjana komunikasi digital yang efektif bagi membantu usahawan tempatan mengembangkan keluaran mereka di peringkat tempatan dan nasional.

“Selain itu, usaha ini turut memberi peluang pelajar tahun dua untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan idea

yang unik dan kreatif,” katanya.

Menurutnya, ia seajar sasaran program pemasaran iaitu menghasilkan graduan berilmu, berkualiti dan berdaya saing.

Hadir sama Timbalan Dekan Hal Ehwal pelajar FPEP, Dr. Noor Fzlinda Fabeil; Ketua Program Pemasaran, Dr Brahim Chekima; dan pensyarah kanan FPEP, Charlie Albert Lasuin yang turut bersama mengendalikan kursus Komunikasi Pemasaran Bersepadu.